		SG. SEMERAK		1	74	ST/SP	II	76	B/C	II	78	B/C	II	85	B/C	II	83	B/C	II
		SG. GALI				ST/SP	III		ST/SP	III		ST/SP	II	80	ST/SP	II	80	ST/SP	II
		SG. PENGKALAN CHEPA	SG. KELADI	1	80	ST/SP	II	78	ST/SP	II	78	ST/SP	II				82	ST/SP	II
	SG. PENGGALAN DATU	SG. PENGGALAN DATU	3	78	ST/SP	II	76	ST/SP	III	83	B/C	II				87	B/C	II	
		SG. PASIR HOR	1	75	ST/SP	III	67	ST/SP	III	75	ST/SP	III				77	ST/SP	II	

Jadual 4.2 Kelantan : Status kualiti air bagi sungai yang sederhana tercemar


TAHUN				2019			2020			2021			2023			2023		
NEGERI	LEMBANGAN	SUNGAI	STESSEN	IKA	IKA	IKA	IKA	KATEGORI	KELAS	IKA	KATEGORI	KELAS	IKA	KATEGORI	KELAS	IKA	KATEGORI	KELAS
	SG. KELANTAN	SG. ISOS	1	69	76	76	76	ST/SP	II I	75	ST/SP	III				76	ST/SP	III
	SG. PENGKALAN CHEPA	SG. ALOR LINTAH	1	63	73	73	73	ST/SP	II I	61	ST/SP	III				73	ST/SP	III
		SG. PENGKALAN CHEPA	2	65	ST/TP	III	59	III	T/P	68	ST/SP	III				69	ST/SP	III
		SG. ALOR B	1	57	T/P	III	48	IV	T/P	63	ST/SP	III				64	ST/SP	III

PENGAWASAN KUALITI AIR SUNGAI AUTOMATIK



Gambar 4.1: Stesen pengawasan kualiti air sungai automatik


Gambar 4.1 menunjukkan lokasi stesen pengawasan sungai automatik yang terletak di Kg.Sokor, Kusial, Tanah Merah Kelantan. Kualiti air sungai bagi sungai Kelantan antara Class I dan Class II menunjukkan sungai Kelantan masih dalam kategori air yang bersih. Namun, kes-kes masalah pepejal terampai (SS) di sungai Kelantan menyebabkan kekeruhan kuning yang teruk sehingga sekarang. Antara punca utama masalah pepejal terampai atau suspended solid (SS) ialah kerja-kerja tanah yang tidak teratur dan aktiviti pembukaan tanah di hulu sungai diburukkan lagi dengan aktiviti pengorekan pasir di kawasan hilir. Bahan-bahan yang menyebabkan masalah pepejal terampai adalah daripada bahan yang tidak organik seperti tanah liat dan kelodak. Manakala, bahan organik pula seperti serat tumbuhan, tisu-tisu haiwan, alga dan mikro-organisma.




Rajah 4.1 Kelantan: Trend Kualiti Air Sungai bagi Stesen Pengawasan Automatik Sungai Kelantan pada Tahun 2021

TREN PENCEMARAN AIR SUNGAI

Kualiti air sungai pada tahun 2023, tiada sungai yang menunjukkan kelas sederhana tercemar(kelas VI) dan tercemar(kelas V) yang mana ianya ditentukan menggunakan empat parameter yang berbeza iaitu IKA, BOD, AN dan TSS. Bilangan stesen yang dikategorikan sebagai bersih berdasarkan IKA menunjukkan bilangan tertinggi stesen bersih sebanyak 78 stesen dan bilangan stesen sederhana tercemar yang direkod hanya sebanyak 5 stesen. Berdasarkan parameter BOD, bilangan stesen bersih merekodkan jumlah yang paling tinggi iaitu 82 dan hanya 1 bagi kategori stesen sederhana tercemar. Bagi parameter AN, 75 stesen dikategorikan sebagai bersih, 5 stesen sebagai sederhana bersih dan 3 stesen sebagai tercemar. Akhir sekali, parameter TSS menunjukkan 19 stesen tercemar, 43 stesen bersih dan 21 stesen sederhana bersih. Perkara ini digambarkan dalam **Rajah 4.2**.



Rajah 4.2 Kelantan: Bilangan stesen mengikut status IKA & parameter IKA pada tahun 2023



Rajah 4.3: Tren pencemaran air sungai di negeri Kelantan pada tahun 2023

Tren pencemaran air sungai di negeri Kelantan pada tahun 2023 telah ditunjukkan oleh Rajah 2.11. Kualiti air sungai yang ditentukan dari segi IKA atau WQI telah menunjukkan penurunan pada tahun 2023. Graf menunjukkan bahawa hampir kesemua stesen berada dalam kategori bersih, menunjukkan air sungai pada bulan ini mempunyai kualiti yang baik dengan hanya sedikit stesen yang sederhana tercemar. Bulan November dan Disember pula menunjukkan peningkatan bilangan stesen yang bersih, menunjukkan kualiti air sungai yang semakin baik dan stesen yang sederhana tercemar berkurang, manakala tiada stesen yang tercemar. Keberkesanan langkah-langkah kawalan pencemaran, rawatan air yang baik, atau pengurangan sumber pencemaran menjadikan kualiti air yang baik dan stesen-stesen sungai berada dalam kategori bersih. Manakala peratus bilangan stesen yang dikategorikan sebagai sederhana tercemar adalah kekal sama iaitu sebanyak 6 stesen dari awal bulan februari sehingga bulan disember.

Berdasarkan sub-indeks BOD, bilangan stesen yang sederhana tercemar telah menurun daripada 1 kepada 0 stesen pada bulan februari dan disember pada tahun 2023. (Rajah 2.11). Ini menunjukkan bahawa penurunan dari segi air sungai yang sederhana tercemar memberi kesan kepada peningkatan bilangan stesen yang dikategorikan sebagai bersih. Peningkatan air sungai yang bersih dari segi sub-indeks BOD yang tinggi menunjukkan bahawa lebih banyak oksigen tersedia dan menjadikan air sungai ini mempunyai kualiti air yang tinggi dan bersih. Manakala kemerosotan kualiti air sungai dari segi BOD ini berkemungkinan disebabkan oleh pelepasan bahan buangan yang bersifat organik daripada pelbagai punca seperti air sisa industri, domestik serta aktiviti komersil.

Dari segi sub-indeks AN pula, bilangan stesen yang tercemar telah menurun daripada 3 kepada tiada stesen air sungai yang tercemar pada tahun 2023 (Rajah 2.11). Bilangan stesen yang sederhana tercemar dari segi sub- indeks AN juga telah menurun daripada 9 kepada 4 sungai pada tahun 2023. Ini berkemungkinan berlakunya kawalan terhadap sumber pencemaran nitrogen atau keberkesanan rawatan air yang lebih baik dan menyebabkan kualiti air yang lebih baik dan menjadikan sungai berada dalam keadaan bersih atau sederhana tercemar. Kemerosotan kualiti air sungai yang disebabkan oleh AN ini dapat dikaitkan dengan pelepasan air sisa kumbahan manusia dan haiwan yang tidak diolah dan diolah ke dalam air sungai secara berterusan yang menyumbang kepada keadaan air yang tercemar.

Manakala dari segi pepejal terampai TSS pula, bilangan stesen yang sederhana tercemar masih dalam kadar yang sama iaitu sebanyak 9 pada bulan Februari dan 8 pada bulan Disember tahun 2023 (Rajah 2.11). Pada bulan Februari, April, dan Jun, sebilangan besar stesen adalah bersih, dengan beberapa stesen sederhana tercemar. Pada bulan Ogos, terdapat peningkatan dalam stesen yang sederhana tercemar, dengan beberapa stesen menunjukkan pencemaran. Punca utama TSS adalah kerja-kerja tanah yang tidak teratur dan aktiviti pembukaan tanah. TSS yang tinggi boleh menghalang cahaya matahari daripada menembusi air dan menyebabkan air sungai kelihatan keruh dan menunjukkan keadaan sungai yang tercemar.

Secara keseluruhan, tren pencemaran air sungai sepanjang tahun 2023 menunjukkan fluktuasi dengan peningkatan pencemaran yang ketara pada bulan Ogos, namun kualiti air sungai menunjukkan peningkatan menjelang akhir tahun bulan Disember dengan kebanyakan stesen kembali ke kategori air sungai yang bersih.

PEMANTAUAN KUALITI AIR TANAH

Program Pengawasan Kualiti Air Tanah Kebangsaan telah dimulakan pada tahun 1997. Kedudukan stesen air tanah di Negeri Kelantan adalah seperti **Rajah 4.4**.

Pengukuran parameter-parameter fizikal kualiti air tanah dijalankan secara in-situ bagi menentukan tahap ukuran seperti suhu, pH, konduktiviti, kekeruhan, kemasinan dan oksigen terlarut. Parameter-parameter yang dianalisa di makmal adalah bagi menentukan tahap kandungan bahan kimia organik meruap seperti (VOC), hidrokarbon, racun perosak, logam berat, anion, bakteria, sebatian berfenol, jumlah keliatan dan jumlah pepejal terampai.

Peralatan yang digunakan adalah khusus untuk membuat persampel air tanah termasuklah pam hidrolift, tiub HDPE, alat mengukur kedalaman air, generator, multiprobe dan botol persampelan



Rajah 4.4 Kelantan: Peta lokasi kedudukan telaga pemantauan air tanah Negeri Kelantan

Pada tahun 2023, sebanyak 64 pensampelan diambil dan dianalisis daripada 16 buah telaga pemantauan di 10 lokasi berbeza di Negeri Kelantan yang merangkumi pelbagai kategori guna tanah iaitu padang golf, tapak pelupusan sampah, perindustrian, perbandaran, pinggir bandar dan pertanian seperti di **Jadual 4.3**.

Pada tahun 2023, kerja-kerja penyelenggaraan luaran telaga bagi kesemua 16 telaga telah dilakukan oleh kontraktor yang dilantik oleh Ibu Pejabat yang merangkumi kerja-kerja mengecat, merumput dan membaiki struktur luaran telaga .

Jadual 4.3 Kelantan : Senarai telaga pemantauan air tanah mengikut kategori guna tanah

Kategori Guna Tanah	Bilangan Telaga
Padang Golf/Golf Courses	4
Tapak Pelupusan Sampah/Landfill	3
Tapak Perindustrian/Industrial Sites	2
Perbandaran/Urban	2
Pinggir Bandar/Suburban	3
Pertanian/Agricultural	2
Jumlah	16



Gambar foto 4.2 Kelantan: Kerja-kerja persempelan air bawah tanah.



Gambar foto 4.3 Kelantan: Kerja-kerja penyelenggaraan telaga air bawah tanah.


Sepanjang tahun 2023, kualiti air bawah tanah di Negeri Kelantan yang dipantau melalui keseluruhan mengikut Had standard Standard Air Tanah Kebangsaan seperti **Jadual 4.4**.

Jadual 4.4 Kelantan: Standard Kualiti Air Tanah Kebangsaan


BIL	PARAMETER	UNIT	JENIS ANALISIS	KOD	STANDARD
1	TOTAL HARDNESS	mg/l	KELIATAN	CaCO ₃	500
2	TOTAL DISSOLVED SOLIDS	mg/l	PEPEJAL TERLARUT	TDS	1000
3	CHLORIDE	mg/l	ANION	Cl	250
4	NITRATE	mg/l	ANION	NO ₃	10
5	SULPHATE	mg/l	ANION	SO ₄	250
6	T-COLIFORM	MPN/100ml	BAKTERIA	T_COLI	0
7	ARSENIC	mg/l	HEAVY METAL	As	0.01
8	MERCURY	mg/l	HEAVY METAL	Hg	0.001
9	CADMIUM	mg/l	HEAVY METAL	Cd	0.03
10	CHROMIUM	mg/l	HEAVY METAL	Cr	0.05
11	COPPER	mg/l	HEAVY METAL	Cu	1
12	FERUM (IRON)	mg/l	HEAVY METAL	Fe	0.3
13	PLUMBUM (LEAD)	mg/l	HEAVY METAL	Pb	0.01
14	MANGANESE	mg/l	HEAVY METAL	Mn	0.1
15	ZINC	mg/l	HEAVY METAL	Zn	3
16	SELENIUM	mg/l	HEAVY METAL	Se	0.01

Terdapat beberapa stesen pemantauan melebihi parameter yang ditetapkan bagi kesemua analisis kimia, Jumlah Bakteria dan Logam Berat . Daripada 16 parameter standard yang dipantau terdapat 7 parameter yang dikesan melebihi had standard.

Parameter yang melebihi standard adalah seperti Pepejal Terlarut, Chloride, Nitrate, Total Cloiform, Arsenic, Ferum dan Manganese. Rujuk **Rajah 4.5** hingga **Rajah 4.6**.



Rajah 4.5 Kelantan: Purata Kandungan Bagi Parameter Zinc Dan Cooper Di Negeri Kelantan, Tahun 2023



Rajah 4.6 Kelantan: Purata Kandungan Parameter Nitrate dan Chloride Di Negeri Kelantan, Tahun 2023


Status kualiti air tanah berdasarkan kepada parameter utama sepanjang program pengawasan tahun 2023. Rujuk **Jadual 4.5**

Jadual 4.5 Kelantan: Status Kualiti Air Tanah berdasarkan parameter utama bagi Negeri Kelantan, tahun 2023

No. Stesen	Lokasi	PARAMETER															
		Ferum (Iron)	Nitrate	Dissolved Solid	Sulphate	T-Colliform	Arsenic	Cadmium	Zinc	Plumbum (Lead)	Chromium	Copper	Chloride	Total Hardness	Manganese	Selenium	Mercury
MW(7)-D610214-4-51.38	Eastern Garment MFG. Pkln.Chepa	0.6000	0.0617	926.6667	0.4200	1.800	0.0055	0.0001	0.0004	0.0001	0.0002	0.0004	268.3333	99.0000	0.0888	0.0012	0.0008
MW(7)-D610214-3-4.24	Eastern Garment MFG. Pkln.Chepa	0.6000	13.5250	5137.0000	6.8500	1.800	0.0006	0.0001	0.0147	0.0004	0.0009	0.0009	12.1750	30.2500	0.0102	0.0014	0.0008
MW(7)-D610214-5-13.43	Panji Landfill, Panji Kota Bharu	0.6000	0.3125	223.0000	1.3425	1.800	0.0005	0.0001	0.0015	0.0003	0.0015	0.0003	21.5000	49.0000	0.0221	0.0013	0.0008
MW(7)-D610214-6-5.34	Panji Landfill, Panji Kota Bharu	0.6000	1.1038	138.0000	5.4575	1.800	0.0012	0.0001	0.0029	0.0004	0.0012	0.0005	11.7250	17.0000	0.0109	0.0022	0.0008
MW(7)-D510201-1-5.22	P.Mas Landfill, Kg.Pusu 40, P.Mas	0.9550	0.0500	649.5000	5.075	18.700	0.0033	0.0001	0.0006	0.0002	0.0013	0.0004	66.0000	89.0000	0.2405	0.0011	0.0006
MW(7)-D610214-7-7.58	Kampong Jembal Kota Bharu.	0.6000	0.0500	546.5000	0.119	4.6500	0.0040	0.0001	0.0005	0.0003	0.0017	0.0003	7.1500	65.2500	0.0352	0.0007	0.0008
MW(7)-D510202-1-4.05	Sek. Keb. Beris Lalang Bachok	0.6000	20.7625	109.2600	34.95	1.3500	0.0003	0.0001	0.0040	0.0021	0.0045	0.0016	21.3750	10.5000	0.0003	0.0037	0.0008
MW(7)-D610214-2-6.90	Kelab Golf & Desa Pkln.Chepa.	1.0750	0.0628	169.0000	0.9575	1.800	0.0051	0.0001	0.0011	0.0002	0.0013	0.0003	18.3750	14.2500	0.0062	0.0008	0.0008
MW(7)-D610214-1-6.37	Kelab Golf & Desa Pkln.Chepa.	0.8750	0.0750	140.5000	3.3750	1.800	0.0045	0.0001	0.0011	0.0002	0.0012	0.0004	19.5000	19.0000	0.0158	0.0010	0.0008
MW(7)-D610214-8-31.29	Kelab Golf D'Raja Kubang Kerian	0.6000	0.0500	131.2500	0.2210	1.800	0.0156	0.0001	0.0215	0.0005	0.0004	0.0007	12.2000	12.5000	0.0961	0.0009	0.0008
MW(7)-D610214-9-9.05	Kelab Golf D'Raja Kubang Kerian	0.6000	1.4868	222.7500	6.4250	4.8000	0.0072	0.0001	0.0020	0.0003	0.0010	0.0004	25.0000	16.2500	0.0804	0.0013	0.0008
MW(7)-D610214-10-6.10	Sek. Keb. Jelawat Bachok	0.6000	6.9750	77.0000	9.9250	234.15	0.0004	0.0001	0.0029	0.0003	0.0012	0.0004	7.9000	8.6250	0.0171	0.0010	0.0008
MW(7)-D610213-1-5.09	Sek. Men. Keb. Jelawat Bachok	1.6250	0.4400	136.0000	6.2750	6.9000	0.0333	0.0001	0.0027	0.0004	0.0012	0.0004	11.9075	12.0000	0.0777	0.0012	0.0008
MW(7)-D510202-1-7.96	SMK Cherang Ruku, Pasir Puteh	1.6000	0.5000	92.0000	7.6000	120.90	0.0024	0.0001	0.0060	0.0010	0.0009	0.0003	11.0000	66.0000	0.0710	0.0012	0.0008
MW(7)-D610116-1-20.23	Sek.Men.Keb. Rantau Panjang	0.6000	0.1218	45.5000	2.2825	1.800	0.0003	0.0001	0.0019	0.0003	0.0010	0.0005	10.9833	5.0000	0.0188	0.0008	0.0008
MW(7)-D610116-2-5.50	Sek.Men.Keb. Rantau Panjang	0.4650	0.3950	135.5000	11.425	4.600	0.0013	0.0001	0.0017	0.0003	0.0008	0.0005	21.6500	24.0000	0.0270	0.0010	0.0008

STATUS KUALITI AIR MARIN

Pengawasan kualiti air marin dilaksanakan di 14 stesen merangkumi 6 stesen pantai, 6 stesen muara dan 2 stesen pulau. Data pengawasan adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.13. Secara keseluruhan, E-coli, pepejal terampai (SS) serta minyak dan gris adalah pencemar utama kepada air marin di pantai Negeri Kelantan. Keseluruhan kawasan pemantauan kualiti air marin mencatatkan bacaan yang baik. (**Rajah 4.7**).



Rajah 4.7: Indeks Kualiti Air Marin di 14 stesen pengawasan kualiti air marin di Negeri Kelantan

All Category MMWQM STATIONS list for Kelantan

Jadual 4.6: Senarai Stesen Pengawasan Kualiti Air Marin di Negeri Kelantan


No	State	Category	Location	Station	Station ID	Longitude	Latitude	Status
				ID(New)	(Old)			
1	Kelantan	Coastal	PANTAI SERI TUJUH	MMDC001	6221910	102.12	6.228	ACTIVE
2	Kelantan	Coastal	PANTAI CAHAYA BULAN	MMDC002	6122903	102.28	6.1965	ACTIVE
3	Kelantan	Coastal	PANTAI SABAK	MMDC003	6123909	102.32	6.1796	ACTIVE
4	Kelantan	Coastal	PANTAI IRAMA BACHOK	MMDC004	6024908	102.4	6.0669	ACTIVE
5	Kelantan	Coastal	PANTAI BISIKAN BAYU	MMDC005	5825905	102.52	5.8626	ACTIVE
6	Kelantan	Coastal	PANTAI MALAWI	MMDC006	-	102.44	5.9947	ACTIVE
7	Kelantan	Estuary	KUALA SUNGAI GOLOK	MMDE001	6220911	102.09	6.2329	ACTIVE
8	Kelantan	Estuary	KUALA SUANGAI KELANTAN	MMDE002	6222901	102.24	6.2169	ACTIVE
9	Kelantan	Estuary	KUALA SUNGAI PENGKALAN	MMDE003	6223912	102.3	6.1857	ACTIVE
10	Kelantan	Estuary	KUALA SUNGAI PENGKALAN	MMDE004	6123913	102.34	6.1693	ACTIVE
11	Kelantan	Estuary	KUALA SUNGAI KEMASIN	MMDE005	5824914	102.37	6.1301	ACTIVE
12	Kelantan	Estuary	KUALA SUNGAI SEMERAK	MMDE006	-	102.49	5.8973	ACTIVE
13	Kelantan	Island	PANJANG	MMDP001	7DP01	102.26	6.207	ACTIVE
14	Kelantan	Island	KUNDUR	MMDP002	7DP02	102.29	6.1865	ACTIVE

Jadual 4.7: Status Kualiti Air Marin 2019 – 2023


KLASIFIKASI STESEN			MMWQI VALUE					KATEGORI (2023)
	KAWASAN	ID STESEN	2019	2020	2021	2022	2023	
	Pantai Seri Tujuh	MMDC001	88	84	93	94	88	Baik / Good
	Pantai Cahaya Bulan	MMDC002	87	92	95	94	95	Terbaik / Excellent
	Pantai Sabak	MMDC003	88	89	95	92	95	Terbaik / Excellent
	Pantai Irama	MMDC004	89	66	95	91	91	Terbaik / Excellent
	Pantai Bisikan Bayu	MMDC005	95	83	95	88	96	Terbaik / Excellent
	Pantai Melawi	MMDC006	85	83	95	88	95	Terbaik / Excellent
	Kuala Sungai Golok	MMDE001	58	59	79	70	74	Sederhana / Moderate
	Kuala Sungai Kelantan	MMDE002	55	58	70	66	70	Sederhana / Moderate
	Kuala Sungai Pengkalan Chepa	MMDE003	53	56	64	67	63	Sederhana / Moderate
	Kuala Sungai Pengkalan Datu	MMDE004	68	59	59	72	70	Sederhana / Moderate
	Kuala Sungai Kemasin	MMDE005	39	56	59	65	70	Sederhana / Moderate
	Kuala Sungai Semerak	MMDE006	69	59	85	68	76	Sederhana / Moderate
	Panjang	MMDP001	82	77	92	91	94	Terbaik / Excellent
	Kundur	MMDP002	84	84	92	91	89	Baik / Good

Jadual 4.7 menunjukkan terdapat 1 stesen marin tercemar iaitu pada tahun 2019 di stesen muara sungai, di Kuala Sungai Kemasin. Unjuran peratusan sub-indeks adalah dengan menggunakan skala 0 hingga 100%. Sub-indeks yang memberikan nilai 49% dan ke bawah dijadikan sebagai tanda aras yang ditandakan warna merah bermaksud kemerosotan pada MMWQI. Jadual ini juga menunjukkan semua stesen marin yang mengalami kemerosotan adalah disebabkan oleh parameter faecal coliform. Selain itu, oksigen terlarut, jumlah pepejal terampai dan nitrat yang juga turut mempengaruhi nilai MMWQI. Secara keseluruhan pada tahun 2023 purata stesen menunjukkan terdapat peningkatan kualiti air marin pada stesen Pantai Bisikan Bayu dan Pantai Melawi. Manakala terdapat sedikit penurunan kelas pada stesen Kundur dan Pantai Seri Tujuh.


Rajah 4.8 menunjukkan tren MMWQI VALUE dari 2019 sehingga 2023. Terdapat satu lokasi yang menunjukkan indeks air marin tercemar di stesen MMDE005 pada tahun 2019. Perkara ini berlaku disebabkan oleh pencemaran faecal coliform yang berpunca daripada aktiviti pertanian, penternakan, air basuhan/limbah daripada restoran, dan kumbahan yang tidak di rawat. Aktiviti yang menyebabkan pencemaran tersebut adalah diluar bidang kuasa pihak Jabatan Alam Sekitar kerana ia dijalankan bukan dalam skala besar.



Rajah 4.8: Tren MMWQI VALUE 2019 – 2023



Rajah 4.9: Lokasi stesen pengawasan marin Kelantan



Kuala Sungai Kemasin



Kuala Sungai Kelantan



Pantai Cahaya Bulan



Pantai Irama Bachok


Gambar foto 4.4 Kelantan: Lokasi stesen pengawasan marin Kelantan .

PEMANTAUAN KUALITI UDARA


Sepanjang tahun 2021, pengawasan kualiti udara dilaksanakan melalui dua buah (2) stesen automatik iaitu di SMK Tanjung Chat, Kota Bharu (kawasan bandar) Dan SK Tanah Merah (kawasan perindustrian) dan stesen manual di Masjid Gua Musang. Stesen automatik ini dapat menceraap data-data pencemaran udara secara automatik untuk tempoh 24 jam bagi disalurkan terus (telemetri) ke pusat kawalan manakala di ambil bacaan secara berkala dalam masa seminggu. Seterusnya, pelaporan dalam bentuk indeks pencemaran udara (IPU) akan diberikan kepada jabatan bagi tindakan selanjutnya. Pengiraan indeks pencemaran udara (IPU) adalah seperti **Jadual 4.8.**

Jadual 4.8: Pengiraan Indeks Pencemaran Udara (IPU)


PARAMETER	MASA PURATA/ AVERAGING TIME	UNIT	GARIS PANDUAN SEDIA ADA/ EXISTING GUIDELINES	STANDARD KUALITI UDARA AMBIEN MALAYSIA / MALAYSIAN AMBIENT AIR QUALITY		
				IT-1 (2015)	IT-2 (2018)	STANDARD (2020)
PM ₁₀	1 Tahun	µg/m ³	50	50	45	40
	24 Jam	µg/m ³	150	150	120	100
PM _{2.5}	1 Tahun	µg/m ³	-	35	25	15
	24 Jam	µg/m ³	-	75	50	35
SO ₂	1 Jam	µg/m ³	350	350	300	250
		ppm	0.135	0.135	0.115	0.095
SO ₂	24 Jam	µg/m ³	105	105	90	80
		ppm	0.040	0.040	0.035	0.030
*CO	1 Jam	mg/m ³	35	35	35	30
		ppm	30.6	30.6	30.6	26.2
	8 Jam	mg/m ³	10	10	10	10
		ppm	8.75	8.75	8.75	8.75
NO ₂	1 Jam	µg/m ³	320	320	300	280
		ppm	0.170	0.170	0.160	0.150
	24 Jam	µg/m ³	75	75	75	70
		ppm	0.040	0.040	0.040	0.037
O ₃	1 Jam	µg/m ³	200	200	200	180
		ppm	0.100	0.100	0.100	0.090
	8 Jam	µg/m ³	120	120	120	100
		ppm	0.060	0.060	0.060	0.050



Rajah 4.10: Trend Tahunan 2023 Bacaan PM 2.5 Bagi Stesen Pengawasan Udara Automatik Kota Bharu



Rajah 4.11 : Trend Tahunan 2023 Bacaan PM 2.5 Bagi Stesen Pengawasan Udara Automatik Tanah Merah



Rajah 4.12: Trend Tahunan 2023 Bacaan PM 2.5 Bagi Stesen Pengawasan Udara Manual Masjid Gua Musang

STATUS KUALITI UDARA DI NEGERI KELANTAN 2023

Kualiti udara di Negeri Kelantan bagi tahun 2023 berstatus baik dan sederhana pada kebanyakan masa. Bacaan IPU sederhana dikesan di semua stesen pada musim panas iaitu pada awal april, julai, dan oktober. Berkemungkinan berlaku pembakaran dalam skala kecil yang menyebabkan indek pencemaran udara (IPU) meningkat di semua stesen. Manakala pada musim monsoon iaitu pada Oktober, November dan Disember, kualiti udara lebih baik dengan purata indeks pencemaran di bawah 40. Faktor perubahan Monsun Timur Laut juga membawa hujan lebat yang dilihat menyumbang kepada peningkatan kualiti udara.



Stesen Pengawasan Udara
Automatik Kota Bharu



Stesen Pengawasan Udara
Manual Gua Musang



Stesen Pengawasan Udara
Manual Gua Musang



Stesen Pengawasan Udara Automatik Tanah Merah




PROGRAM TANAH GAMBUT

Jabatan Alam Sekitar Negeri Kelantan telah memperuntukan sebanyak RM3,490,000.000 untuk pembinaan infrastruktur tambahan di bawah program pengurusan dan pencegahan kebakaran tanah gambut yang sering terbakar kemudahan ini terletak di Beris Lalang, Bachok dan Mk. Apam, Pasir Mas memandangkan dua kawasan tanah gambut ini sering terbakar setiap tahun. Di bawah program ini juga sebanyak 4 mesyuarat penyelarasan pelaksanaan Program Tanah Gambut Yang Sering Terbakar telah diadakan bagi membincangkan dan menyelaraskan tindakan kawalan dan pencegahan kebakaran di tanah gambut. Agensi yang terlibat terdiri daripada JAS, JMG, JPS, IADA, Majlis Daerah Pasir Mas, Majlis Daerah Bachok, Majlis Perbandaran Kota Bharu, Pejabat Tanah Dan Jajahan Pasir Mas dan Pejabat Tanah Dan Jajahan Bachok.

Jadual 4.9 Kelantan: Projek Infrastruktur Bagi Mencegah Kebakaran Tanah Gambut Untuk Mengatasi Jerebu Di Negeri Kelantan

JAJAHAN	CHECK DAM	TELAGA TIUB
BACHOK	23 (SELIAAN JPS)	9 (SELIAAN JMG)
PASIR MAS	9 (SELIAAN JPS)	4 (SELIAAN JMG)



Rajah 4.13 Kelantan : Peta Lokasi Telaga Tiub dan 'Check Dam' Sedia ada di Bachok



Rajah 4.14 Kelantan : Peta Lokasi Telaga Tiub dan 'Check Dam' Sedia ada di Pasir Mas

PENGURUSAN TANAH GAMBUT

Kawasan tanah gambut di Beris Lalang Bachok dan Mukim Apam Pasir Mas merupakan kawasan tanah gambut yang telah dikenalpasti sebagai kawasan 'fire prone areas' di Negeri Kelantan yang sering berlaku pembakaran terbuka pada musim panas dan kering pada setiap tahun. Walaupun tindakan pemadaman kebakaran berjaya dipadamkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat, pelepasan asap dari kawasan yang terbakar menjadi masalah utama kerana masih terdapat api pembaraan di dalam tanah gambut tersebut yang sukar dipadamkan kerana sumber air yang terhad sehingga menyebabkan kemerosotan kualiti udara di kawasan sekitar dan menjadi rungutan orang awam serta kes-kes aduan berulang.

Sehubungan dengan itu, bagi menangani masalah pembakaran di kawasan tanah gambut yang sering terbakar, satu Pelan Tindakan Bersepadu di antara agensi agensi di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar yang terdiri dari Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Mineral dan Geosains. Agensi lain yang turut serta menganggotai Jawatankuasa Pengurusan Tanah Gambut Yang Sering Terbakar adalah Jabatan Bomba Dan Penyelamat, Majlis Perbandaran Kota Bharu, Majlis Daerah Bachok, Majlis Daerah Pasir Mas, Pejabat Tanah dan Jajahan Bachok, Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Mas dan Projek Kemasin Semerak (IADA) telah dilaksanakan untuk kawasan tanah gambut di Bachok dan Pasir Mas dengan mewujudkan konsep pengurusan air bagi tujuan mengekalkan kelembapan dan meninggikan paras air pada tanah gambut.

Seiring dengan itu juga, program yang di jalankan pada tahun 2023 adalah seminar prosedur tetap Operasi tanah gambut PTO yang melibatkan ahli jawatankuasa tanah gambut Negeri Kelantan dan pemasangan papan tanda larangan pembakaran terbuka di kawasan tanah gambut Bachok dan Pasir Mas Kelantan.



Gambar 4.6 Kelantan : Program Bersama Ahli Jawatankuasa Tanah Gambut Negeri Kelantan.



Gambar 4.7 Kelantan : Program Pemasangan Papan Tanda Larangan Pembakaran Terbuka.



Gambar 4.8 Kelantan : Operasi pengempaman tube well dan Operasi pemadaman pihak BOMBA di Kawasan Tanah Gambut


PENGUATKUASAAN KENDERAAN BERMOTOR

PENGUATKUASAAN PERATURAN-PERATURAN KUALITI ALAM SEKELILING (PPKAS), 1974 YANG BERKAITAN DENGAN AKTIVITI PENGUATKUASAAN KENDERAAN BERMOTOR

Jadual 4.10 Kelantan: Menunjukkan Operasi Penguatkuasaan yang dijalankan sepanjang Tahun 2023

PERATURAN BERKAITAN	BIL. OPERASI	PEMERHATIAN	PEMATUHAN	JUMALAH KOMPAUN	JUMALAH NOTIS ARAHAN	JUMALAH SURAT ARAHAN
PPKAS (Diesel & Petrol) 1996 ; Per.11 & Per.10.	17	360	360	0	8	0
PPKAS (Bunyi Bising Kenderaan Bermotor) 1987	2	19	19	0	1	0
Ops. Kamera Video (Diesel)	173	3816	3816	0	41	0
Ops. Kamera Video (Petrol)	35	435	435	0	0	0

Pelepasan dari kenderaan bermotor telah dikenalpasti sebagai salah satu penyumbang kepada pencemaran udara . Pelepasan asap serta gas seperti karbon monoksida, sulfur dioksida, oksida-oksida nitrogen, hidrokarbon dan partikulat merupakan bahan pencemar yang berpunca dari kenderaan bermotor. Kenderaan diesel akan diuji menggunakan meter asap dan tahap yang dibenarkan ialah 50HSU atau 48.5% opacity. Pelepasan melebihi had yang dibenarkan, tawaran kompaun akan dikeluarkan serta merta dan pemilik kenderaan hendaklah menyelenggara kenderaan dan diarahkan untuk ujian semula.



Gambar 4.9 Kelantan : Pengujian pelepasan asap daripada kenderaan diesel dan Ujian Bunyi Bising Motosikal sedang dijalankan

Jadual 4.11 Kelantan: Data operasi penguatkuasaan yang dijalankan di premis yang tertakluk di bawah AKAS 1974

PERATURAN BERKAITAN	BIL INVENTORI	BIL LAWATAN	JUMLAH KOMPAUN	JUMLAH NOTIS ARAHAN	JUMLAH SURAT ARAHAN
PPKAS (Diesel) 1996 ; Per.17	2	2	0	0	0
PPKAS (Diesel) 1996 ; Per.18	30	20	0	0	5
PPKAS (Pengurusan Refrigerant) 1999	22	7	0	0	2
PPKAS (Diesel) 1996 ; Per.16	2	12	0	0	0

Sebanyak 20 kali pemeriksaan ke atas premis pengendali berkumpulan telah dikuatkuasakan sepanjang tahun 2023. Pengendali berkumpulan adalah syarikat yang mempunyai lebih daripada 10 buah kenderaan diesel. Aspek yang diperhatikan semasa pemeriksaan adalah pengendalian bahan buangan terjadual dan rekod pemeriksaan kenderaan berkala dengan PUSPAKOM. Daripada rekod JAS terdapat sebanyak 30 buah pengendali berkumpulan (Fleet Operator-FO).

Penguatkuasaan bahan refrigerant adalah untuk memastikan bahawa bahan refrigerant yang terlarang di bawah Protokol Montreal tidak lagi digunakan dalam pasaran. Daripada 22 buah premis yang berdaftar, sebanyak 7 buah premis telah diperiksa secara rawak sepanjang tahun 2023.



Gambar 4.10 Kelantan : Menunjukkan pemeriksaan terhadap Premis Pengendali Berkumpulan (FO) sedang dilakukan.




Gambar 4.11 Kelantan : Menunjukkan pemeriksaan terhadap Premis Pengendali Berkumpulan (FO) sedang dilakukan.



Gambar 4.12 Kelantan : Menunjukkan pemeriksaan Bahan Refrigerant (RI) sedang dilakukan


PENGUATKUASAAN TERHADAP AKTIVITI PEMBAKARAN TERBUKA

Kes pembakaran terbuka dikesan melalui operasi rondaan mencegah pembakaran terbuka yang dilaksanakan oleh JAS Negeri Kelantan di kawasan-kawasan yang dikenalpasti sebagai kawasan yang berisiko berlaku kebakaran dan sering menerima aduan daripada orang awam. Di samping itu maklumat hotspot juga diperolehi melalui satelit yang dipantau dan dilaporkan oleh ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC) yang berpusat di Singapura. Pada tahun 2023 sebanyak 19 hotspot di seluruh negeri telah dilaporkan melalui satelit. Sebanyak 108 kes pembakaran terbuka secara keseluruhan telah dikesan pada tahun 2023 (**Rajah 4.15**) dilaporkan melalui sistem atas



Rajah 4.15 Kelantan : Bilangan Kes Pembakaran Terbuka Mengikut Kategori,2023

talian dalaman JAS iaitu Sistem Elektronik Kawalan Alam Sekitar (e-KAS) dibawah Sub-Modul Pembakaran Terbuka dan Sub-Modul Aduan. Kejadian pembakaran terbuka yang utama sering berlaku adalah pembakaran sampah sarap di kawasan perumahan, pembakaran sampah sarap di tepi bahu jalan, belukar dan tapak pelupusan terutamanya semasa cuaca panas dan kering iaitu pada bulan Mac sehingga September. Daripada 104 kes pembakaran terbuka tersebut, 8 telah dikompaun dengan jumlah kompaun yang dikutip ialah sebanyak RM 14,000.00 Berdasarkan kepada data bilangan hotspot serta pembakaran terbuka bagi tempoh lima (5) tahun kebelakang iaitu dari tahun 2019 sehingga 2023 (**Rajah 4.16**), tahun 2022 mencatatkan jumlah bilangan hotspot dan kes




Rajah 4.16 Kelantan : Bilangan Pembakaran Terbuka Dan Hotspot Mengikut Tahun Dari 2019 Sehingga 2023

pembakaran terbuka yang paling rendah. Manakala kes hotspot dan pembakaran terbuka tertinggi dalam tempoh tersebut dicatatkan pada tahun 2021 iaitu bilangan hotspot dan bilangan kes pembakaran terbuka sebanyak 167 kes.

MAKLUMBALAS TERHADAP PENGADUAN AWAM

Pada tahun 2023, sejumlah 217 aduan pencemaran alam sekitar telah diterima oleh JAS. 157 kes aduan telah diambil tindakan di bawah peruntukan Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya oleh pejabat JAS Negeri Kelantan, manakala 60 kes aduan adalah diluar bidangkuasa JAS dan telah dirujuk kepada agensi lain yang berkaitan untuk diambil tindakan. Pada tahun 2023, Daerah Kota Bharu menerima aduan yang tertinggi iaitu 85 (39%) manakala daerah Jeli menerima aduan yang paling sedikit iaitu sebanyak 4 (1.8%). Seperti tahun-tahun yang sebelumnya, bilangan aduan pencemaran yang tertinggi adalah berkaitan dengan pencemaran udara iaitu 157 (72%), 29 (13%) pencemaran air, 11 (5%) pencemaran bunyi dan 17 (7%) lain-lain aduan (**Rajah 4.17**).



Rajah 4.17 Kelantan : Bilangan Aduan Mengikut Jenis


UNIT PENDAKWAAN

Tindakan undang-undang merupakan bidang yang dipertanggungjawabkan kepada Unit Mahkamah). Unit ini berperanan mengemaskini kertas siasatan, mendaftar kes di mahkamah dan menyelesaikan kes-kes yang diambil tindakan saman di mahkamah bagi kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan Peraturan – Peraturan di bawahnya.

Unit ini juga ditugaskan untuk menyelesaikan kes-kes rayuan kompaun yang diterima daripada mereka yang didapati melanggar Peraturan – Peraturan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 melalui satu jawatankuasa rayuan yang di pengurusan oleh Tuan Pengarah.

TAWARAN KOMPAUN

Tawaran kompaun adalah satu daripada tindakan penguatkuasaan bagi kes yang ketidakpatuhan peraturan yang ditetapkan. Sebanyak 27 tawaran kompaun telah ditawarkan kepada premis, syarikat atau individu kerana pelbagai kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya. Sebanyak 63 tawaran kompaun yang ditawarkan adalah ketidakpatuhan untuk kes-kes Buangan Terjadual 2005, 15 Kes Punca Bergerak (Diesel), 7 Kes Seksyen 29A Pembakaran Terbuka, 3 Kes Buangan Terjadual dan 3 Kes Kumbahan



Rajah 4.18 Kelantan : Jumlah Tawaran Kompaun Mengikut Kesalahan

PENDAKWAAN

Sepanjang tahun 2023 sejumlah sembilan (6) kertas siasatan dibuka bagi kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Daripada jumlah tersebut 3 kes telah diselesaikan dan 3 kes masih dalam proses tindakan mahkamah. **Jadual 4.12** menunjukkan bilangan kes kertas siasatan yang dibuka pada tahun 2021.

Jadual 4.12 Kelantan : Bilangan Kertas Siasatan yang selesai pada tahun 2023

KESALAHAN (SEKSYEN)	DAFTAR	SELESAI	DENDA (RM)
12(1) – Pematuhan Industri Premis Yang Bukan Ditetapkan (PYBDT)	1	1	22,000.00
11(1) – Pematuhan Industri Premis Yang Bukan Ditetapkan (PYBDT)	1	1	20,000.00
31 (1) – Tidak Patuh Notis Arahan	1	1	10,000.00
Jumlah	3	3	52,000.00



JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI
KELANTAN

Lot 322-324, Seksyen 27, Jalan Sri
Cemerlang, 15300, Kota Bharu, Kelantan,
15300

Telefon: 09-741 4888
www.doe.gov.my